



KHN.0017/3 Jld. 2I

4 Oktober 2011

Semua Hakim Mahkamah Persekutuan  
Semua Hakim Mahkamah Rayuan  
Semua Hakim Mahkamah Tinggi  
Semua Pesuruhjaya Kehakiman  
Semua Hakim Mahkamah Sesyen  
Semua Timbalan Pendaftar  
Semua Majistret  
Semua Penolong Kanan Pendaftar  
Semua Pendaftar Mahkamah Rendah  
Semua Kakitangan Mahkamah

Seluruh Malaysia

YAA Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGGUNAAN E-MEL SEBAGAI MEDIUM PERHUBUNGAN BAGI URUSAN  
RASMI DALAMAN PEJABAT KETUA HAKIM NEGARA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Selaras dengan polisi untuk meningkatkan penggunaan Sistem Mel Elektronik (e-mel) di dalam urusan rasmi Badan Kehakiman, sukacita dimaklumkan bahawa mulai 12 September 2011, Pejabat Ketua Hakim Negara akan menggunakan e-mel sepenuhnya sebagai medium perhubungan bagi urusan rasmi dalaman pejabat ini.

3. Adalah dimaklumkan juga bahawa Pejabat ini hanya akan menggunakan e-mel rasmi kehakiman sahaja yang telah dibekalkan kepada semua Hakim dan Pegawai Kehakiman Sehubungan dengan itu, YAA Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk menyelenggara akaun e-mel rasmi masing-masing dan sentiasa menyemak e-mel untuk memastikan setiap arahan dan maklumat yang dikeluarkan oleh Pejabat ini sentiasa diterima dan diambil maklum.

4. Dengan terlaksananya arahan dan makluman ini, semua mesej yang telah dihantar melalui e-mel tidak lagi akan disusuli menerusi media faks, surat atau telefon.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas

**TAN SRI ARIFIN BIN ZAKARIA**  
Ketua Hakim Negara